

BAB 5

HUBUNGAN EKONOMI SINGAPURA

Pengenalan

Rostow dalam *Take Off Theorynya*¹ menyatakan bahawa soal utama perkembangan ekonomi negara bukanlah terletak pada tinggi atau rendahnya kadar perkembangan ekonomi. Tetapi ia terletak kepada hakikat bahawa negara-negara maju dapat bergantung kepada perkembangnya dengan terus menerus pada masa depan. Negara-negara yang ingin maju harus melalui peringkat perkembang ekonomi yang mantap. Justeru itu, segala instrumen yang dapat mengembangkan ekonomi negara harus digunakan sepenuhnya dalam sistem ekonomi. Oleh itu, konsep *The global city* telah diperkenalkan pada 6 Februari 1972 oleh S. Rajarathnam setelah beberapa faktor yang mengganggu kepada perkembangan ekonomi negara dapat dikurangkan². Konsep ini jelas mencerminkan satu idea dan usaha ke arah keutuhan ekonomi Singapura hasil daripada kepesatan ledakan sains dan teknologi. Konsep ini jelas merujuk kepada kemajuan industrialisasi yang bukan sahaja berfokus kepada sudut keserantauan sahaja, malah seluruh dunia secara umumnya. Ini selaras dengan kenyataan beliau bahawa;

"It is my contention that Singapore is becoming a component of that system (global cities) - not a major component but a growingly important one. It is in this sense that I have chosen to describe Singapore as a global city. This is why all the gloomy predictions about the future of an independent Singapore have been proved wrong. The pessimistic scenario was written on the assumption that an independent Singapore would be a self-contained city state; that it would, at the most, be a regional city and therefore its fate and fortunes would depend wholly on the economic climate of the region. The economic climate of the region is no doubt important to us and what happens in the region would have consequences for us economically, politically and militarily..."³.

Konsep serantau ini dilihat sebagai alternatif ke arah pembentukan satu sahaman dunia yang dikenali sebagai *Globalism*. Penubuhan sesuatu organisasi serantau, khususnya ASEAN bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul serta mencapai objektif-objektif yang digalurkan⁴. Antaranya ini disebabkan oleh kemahuan yang kuat untuk meningkatkan kestabilan ekonomi negara dan mewujudkan sebuah negara industri yang mampu bersaing dengan negara maju yang lain. Lebih-lebih lagi situasi keselamatan ASEAN, khususnya Singapura menjadi kritis apabila kemenangan komunis di Vietnam dalam tahun 1975⁵. Cadangan penutupan pengkalan tentera British yang terbesar di Singapura juga menjadi faktor utama untuk mengembangkan ekonomi negara. Keputusan ini akan menyebabkan sumber pendapatan Singapura jatuh secara mendadak. Dianggarkan sebanyak 20 hingga 25 peratus Keluaran Negara Kasar akan tergugat yang secara langsung atau tidak langsung akan menyebabkan hampir 40 ribu penduduk akan kehilangan pekerjaan⁶. Sekiranya pihak

kerajaan tidak mengambil satu inisiatif untuk mengatasi masalah ini, maka kemungkinan ini akan menjaskan kedudukan Singapura sebagai pusat perdagangan bebas yang utama di rantau ini.

Apa yang ingin dicapai ialah keseimbangan yang bersepada antara perubahan-perubahan yang wujud melalui konsep *research and development* di kalangan masyarakat Singapura. Ini diharap dapat menggabungkan kemajuan teknologi yang serba maju dengan keupayaan tenaga mahir yang terlatih dalam segenap aspek. Matlamat negara ialah untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang teknikal, seperti sains, kejuruteraan dan pakar dalam teknologi perindustrian agar mampu merancang dan menjalankan penyelidikan. Oleh itu, masyarakat harus membantu untuk memastikan agar dasar kerajaan ini menjadi kenyataan. Berlandaskan objektif jangka panjang ini, sesuatu penyelidikan dan pengamatan itu, bukan terletak kepada teori semata-mata, malah itu bersifat pengumpulan bukti tentang sesuatu kenyataan. Ini dapat melahirkan suatu bentuk pemikiran yang kreatif dan kritis dalam masyarakat Singapura bagi menghadapi sesuatu persoalan yang menekankan kepada transformasi sesuatu konsep yang abstrak kepada sesuatu bentuk yang nyata. Dalam hal ini, perubahan sesuatu sistem ekonomi secara radikal seharusnya berteraskan kepada suatu asas yang dapat dijadikan landasan atau *take off* yang benar-benar dapat merombak keseluruhan struktur yang sedia ada itu⁷.

Kemunculan dan penyebaran pembangunan ekonomi moden ini diharap dapat mempercepatkan arah aliran ke arah

perhubungan antarabangsa yang lebih luas. Proses ini melibatkan hubungan antara Singapura dengan negara yang lain dalam satu sistem hubungan ekonomi dan politik yang saling bergantung. Proses ini akan melibatkan rangkaian-rangkaian perhubungan yang baru. Ini diharap akan menambahkan lagi aliran maklumat ke Singapura dalam jangkamasa yang lebih cepat. Kemajuan teknologi yang menjadi asas pertumbuhan ekonomi moden akan menjadi faktor dominan dalam menentukan jumlah mutlak perdagangan antarabangsa sesebuah negara.

Perubahan Struktur Ekonomi

Dos Santos menyatakan bahawa bentuk hubungan yang saling berhubung dengan satu atau lebih sistem ekonomi melalui corak perdagangan dunia akan mewujudkan suatu bentuk pergantungan antarabangsa. Negara-negara yang bergantung ini akan berkembang mengikut kemajuan negara yang berkuasa ke atasnya⁸. Namun begitu, Singapura telah mengetepikan segala kenyataan tersebut dengan memperlihatkan satu bentuk perkembangan ekonomi yang cukup hebat di rantau ini. Beberapa alternatif telah dilakukan untuk memastikan perkembangan ini berlaku mengikut seperti yang dirancangkan.

Ini jelas dengan kenyataan Shee Poon Kim yang mengatakan bahawa Singapura telah berjaya merubah struktur ekonomi dan sosial masyarakat Singapura dalam jangka masa yang amat singkat hasil daripada konsep *take off* yang dinyatakan oleh

Rostow. Ini berdasarkan peranan kerajaan yang menekankan kepada perkembangan ekonomi yang mantap, khususnya dalam bidang pengindustrian. Ini bersesuaian dengan matlamat ‘Rancangan Pembangunan Pertama - 1961-1964’. Matlamat utama rancangan ini ialah untuk merubah tradisi Singapura yang menumpukan kepada sistem enterport kepada penglahiran sebuah negara industri yang cukup maju⁹.

Pelabur-pelabur asing telah digalakkan untuk mengambil bahagian sebagai sebahagian daripada dasar ekonomi pengindustrian. Dalam jangkamasa ini, beberapa institusi telah diwujudkan untuk memastikan perancangan ini berjalan lancar. Lembaga Pembangunan Ekonomi atau EDB telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1961 untuk mengawal dan memastikan program pengindustrian berjalan dengan lancar. Pusat-pusat industri telah diwujudkan seperti di ‘Jurong’, ‘Kallang Basin’, ‘Tanglin Halt’, ‘Kampong Ampat’, ‘Kallang Park’, ‘Tanjong Rhu’, ‘Tiong Bahru’, ‘Red Hill’ dan ‘Kranji’. Semua tanggungjawab EDB di bawah ‘Bahagian Kemudahan Industri’ ini telah diambil alih di bawah satu pengurusan yang dikenali sebagai *Jurong Town Corporation*¹⁰ yang telah diwujudkan pada bulan Jun 1968 di bawah Kementerian Kewangan. Untuk memastikan semua ini berjalan lancar, beberapa institusi lagi telah ditubuhkan seperti Bank Pembangunan Singapura atau DBS, Lembaga Pengeluaran Negara dan *International Trading Company Ltd.* atau INTRACO yang telah ditubuhkan dalam tahun 1968. Institut Penyeragaman dan Penyelidikan Industri atau SISIR telah ditubuhkan pada tahun 1969 selaras dengan matlamat kerajaan untuk memastikan piawaian hasil-hasil barang industri yang dikeluarkan mencapai tahap yang diperlukan oleh negara luar¹¹.

DBS telah ditubuhkan pada bulan Julai 1968 ini berperanan berperanan untuk meringankan tanggungjawab EDB. DBS mempunyai equiti pegangan kerajaan sebanyak 48.6 peratus, EDB telah memainkan peranan sebagai sumber kewangan bagi sektor industri. Dengan modal dibenarkan sebanyak S\$ 200 juta dan modal berbayar sebanyak S\$100 juta, ia bukan sahaja menyediakan pinjaman jangka panjang bagi pengeluaran barang untuk eksport dengan kadar bunga yang rendah¹². Menjelang akhir tahun 1969, DBS telah menarik perhatian 98 para pelabur dengan kadar pelaburan sebanyak S\$264.6 juta. Ini telah membawa kepada S\$160.1 juta dalam bentuk pinjaman, S\$42.9 juta dalam bentuk equiti dan S\$ 61.6 juta dalam bentuk jaminan. 78 daripada pelabur-pelabur ini melibatkan diri dalam sektor pengeluaran yang membawa kepada S\$195.3 juta atau 73.8 peratus daripada keseluruhan pelaburan tersebut¹³. Penubuhan INTRACO pula mengambil alih paranan daripada EDB *Export Promotional Division*. Ia mempunyai dua tujuan, iaitu untuk mengembangkan pasaran luar negeri bagi hasil barang keluaran Singapura dan mendapatkan bahan-bahan mentah yang murah kepada industri-industri tempatan melalui pembelian secara pukal¹⁴.

Pengenalan Dasar Baru

Sehubungan dengan ini, *Employment Act* telah ditubuhkan pada tahun 1968 dan *Industrial Relations Act (Amendment)* pula telah ditubuhkan pada tahun 1969 untuk memastikan tenaga buruh mencukupi dengan tahap kemahiran yang diperlukan serta

kebijakan buruh diutamakan bagi memenuhi matlamat ini¹⁵. Di bawah *Employment Act* ini, beberapa perkara telah diubah untuk mengatasi masalah tersebut antaranya, waktu bekerja selama seminggu telah ditingkatkan daripada 35 jam kepada 48 jam dan cuti am telah dikurangkan daripada 15 hari kepada 11 hari dalam setahun. Cuti rehat dan cuti sakit juga telah dikurangkan. Pembayaran pampasan kepada cuti tahunan dihadkan kepada 7 hari sahaja kepada mereka yang telah berkhidmat kurang daripada 10 tahun dan 14 hari bagi mereka yang telah bekerja lebih daripada 10 tahun. Pemberian bonus kepada para pekerja juga telah dihadkan¹⁶.

Di bawah *Industrial Relations Act (Amendment)* ini, hak pihak pengurusan telah diberi keutamaan. Hal-hal yang berkaitan seperti kenaikan pangkat, perpindahan, pengurangan perbelanjaan, pemecatan, kedudukan asal seseorang pekerja dan sebarang tugas yang telah diberikan kepada pekerja tidak boleh dibawa ke meja perundingan oleh kesatuan pekerja. Matlamat utama akta ini ialah untuk memastikan disiplin yang tinggi di kalangan para pekerja, menghalang sebarang bentuk perundingan tentang persoalan gaji dan umumnya untuk memastikan organisasi tenaga buruh ini menyamai dengan kehendak kepentingan negara¹⁷.

Walaupun pada bulan Januari 1968, kerajaan British telah bercadang untuk menarik keluar angkatan tenteranya daripada Singapura menjelang akhir tahun 1971 telah mengejutkan pihak Singapura, namun segala usaha-usaha yang telah dirancang terlebih dahulu ini sekurang-kurangnya telah berjaya membendung masalah

pengangguran kepada rakyat Singapura. Pada tahun 1972, Lee Kuan Yew telah menyatakan bahawa bukan lagi matlamat utama kerajaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyatnya. Beliau menyatakan bahawa; “*from now on, we will chose industries which are more skill-intensive, more sophisticated in production, and can therefore pay higher wages*”¹⁸.

Menjelang tahun 1973, krisis minyak yang berlaku dalam dunia antarabangsa telah mengganggu kelancaran perkembangan ekonomi Singapura. Hasil daripada kenaikan harga minyak yang tinggi dan kadar inflasi yang berlaku menyebabkan Keluaran Dalam Negara Kasar telah jatuh secara mendadak. Kejatuhan KDNK yang agak teruk pada tahun 1974 dan 1975 ini kepada 4 peratus adalah amat membimbangkan. Ini kerana kadar purata perkembangan ekonomi Singapura ialah antara 10.1 peratus setahun antara tahun 1965 hingga 1973. Namun begitu, ekonomi negara telah kembali pulih pada tahun 1976 dengan kadar perkembangan sebanyak 7 peratus setahun¹⁹.

Hasil daripada beberapa perubahan yang telah dilakukan dan beberapa peristiwa yang berlaku dalam dunia antarabangsa, maka pada tahun 1979 kerajaan Singapura telah menekankan kepada konsep *Second Industrial Revolution*. Dasar ini telah menekankan kepada penglahiran tenaga buruh yang berkemahiran tinggi selaras dengan perkembangan teknologi dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh yang murah dan tidak berkemahiran. Dasar ini juga telah menggalakkan kepada peningkatan penggunaan teknologi terbaru

hasil daripada penekanan kepada konsep *research and development*. Kesan kepada dasar ini amat menakjubkan sekali. Antara tahun 1978 hingga 1982 kadar pengeluaran telah meningkat sebanyak 81 peratus dan guna tenaga buruh telah meningkat sebanyak 85 peratus²⁰.

Ini kerana pada tahun 1981, Menteri Kewangan ketika itu, Goh Chok Tong menyatakan bahawa dasar kerajaan ialah; “*developed into a modern industrial economy based on science, technology, skills and knowledge*”²¹. Selaras dengan perkara ini, satu dimensi baru dalam industri pertahanan negara telah ditingkatkan hasil daripada perubahan dalaman yang berlaku dan perubahan dalam politik antarabangsa. Penglahiran industri ini adalah merupakan salah satu alternatif utama kerajaan ke arah keselamatan negara yang mutlak dengan kelahiran konsep pertahanan menyeluruh. Penglahiran industri ini telah memberi satu tanggapan baru kepada dunia bahawa Singapura amat prihatin dalam memperkenalkan dasar luarnya yang bukan sahaja ingin berbaik-baik dengan semua negara, malah juga ini mempertahankan negara mereka daripada serangan musuh.

Industri Pertahanan Singapura

Industri Pertahanan Singapura ini muncul daripada atas penubuhan *Chartered Industries of Singapore* atau CIS pada tahun 1967. Pada hari ini, industri ini telah membentuk satu penggabungan yang cukup mantap dari segenap aspek, berteknologi tinggi dan mempunyai pelbagai industri yang cukup kompleks yang berkaitan dengannya.

Pertumbuhan industri pertahanan di Singapura ini sungguh mengalakkkan²². Ini jelas dengan tanggapan sebuah jurnal antarabangsa bertajuk *Defence Attache* pada tahun 1983 yang menyatakan bahawa Singapura sebagai “*A defence producer of more than regional significance*”. Begitu juga dalam laporan sebuah majalah *Defence Minister and Chief of Staff* dalam keluaran Januari 1986 menyatakan bahawa industri pertahanan Singapura sebagai “*On the international map as an innovator*”²³. Sehinggakan majalah Stockholm *International Peace Research Institute* atau SIPRI pada keluaran tahun 1986 dalam artikel “*Arms Production in the Third World*” oleh Michael Brzoska dan Thomas Ohlson telah memberi penghargaan kepada Singapura bahawa “*Arms industries is the most diversified and capable in ASEAN*”²⁴.

Matlamat Kewujudan SDI

Pada peringkat awal selepas kemerdekaan, faktor kepentingan ekonomi dan sumber untuk mencari keuntungan bukan merupakan matlamat utama kewujudan SDI. Dr. Goh Keng Swee, selaku Menteri Pertahanan yang juga telah dianggap sebagai *Father of the SDI* merupakan orang yang telah mencetuskan idea bagi penubuhan SDI pada tahun 1966. Masalah kedudukan serantau yang tidak menentu ketika itu dan kekurangan bantuan daripada industri-industri lain, telah memaksa Dr. Goh serta penasihat SDI, Sir Lawrence Hartnett agar menyegerakan industri pertahanan bercorak tempatan untuk membekal segala keperluan yang diperlukan oleh pihak tentera Singapura²⁵. Ini kerana, menurut Sir Lawrence Hartnett bahawa;

"From the start the Singapore leaders were determined to avoid political alignment with foreign nations, and this was particularly true in the matter of arms supply from abroad which might have political strings attached. Implicit in this approach was the heavy emphasis of self-reliance, a policy which has paid enormous dividends"²⁶.

Pihak Singapura tidak mahu terlalu bergantung kepada negara luar dalam membekalkan peralatan persenjataan kepada mereka. Pergantungan secara langsung ini akan menyebabkan Singapura tidak dapat melahirkan hasil reka cipta tersendiri berdasarkan kepada sumber-sumber yang mereka miliki. Ini kerana Britain merupakan pembekal tunggal kepada Singapura disepanjang tahun 1960an²⁷. S. Rajaratnam ada menyatakan akan bahaya yang wujud sekiranya terlalu bergantung kepada negara luar dengan menyatakan bahawa;

"The most dangerous consequences are political. The flow of arms carries with it a measure of dependency on the part of the client on the seller of arms not unlike that prevailing under the old imperial system... The massive flow of arms to the third world confronts it with a new danger. It is, first of all, a drain on the economies of third world countries; but even more important is the fact that it creates a new form of dependence on the great powers, which can exploit the third world's dependence on them to manipulate them, and to use them as proxies in their competition for influence and dominance"²⁸.

Selepas daripada kenyataan tersebut, Singapura telah secara mendadak mengurangkan kadar pergantungan bekalan persenjataan daripada negara Britain dengan hanya sejumlah empat peratus

daripada keseluruhan import antara tahun 1981 hingga 1985. Walaupun begitu, Amerika Syarikat telah berjaya mengambil alih peranan Britain sebagai pembekal persenjataan kepada Singapura. Amerika Syarikat telah membekal sebanyak tiga perempat peratus daripada keseluruhan import peralatan persenjataan Singapura antara tahun 1976 hingga tahun 1985²⁹.

Pada peringkat awal, Dr. Goh Keng Swee tidak bercadang untuk menjual hasil pengeluaran peralatan senjata ke luar daripada pasaran Singapura. Ini bertujuan untuk mengelakkan segala salah faham yang akan wujud di antara negara-negara jiran. Lebih-lebih lagi faktor kurang keyakinan bahawa hasil keluaran tempatan mampu mencapai *standard* antarabangsa juga telah menyebabkan hal ini tidak berlaku pada peringkat awal. Namun begitu, dengan tanggapan bahawa industri ini mampu memberi sumbangan yang besar kepada negara serta keyakinan dan pengalaman yang ada, maka ini telah memaksa SDI pada tahun 1982 mengambil langkah drastik dengan memberi penekanan kepada keperluan R & D agar dapat meningkatkan perkembangan *high-technology* di negara ini. Menurut Dr. Yeo Ning Hong, selaku *Minister of State for Defence* bahawa;

*"MINDEF's role in Singapore is obvious to all Singaporean - to look after the interest of Singapore, to ensure peace and security and hence contribute to the prosperity of our island Republic and to enable a high standard of living and a better quality of life for all citizens"*³⁰.

Ini kerana pihak Kementerian Pertahanan atau MINDEF amat berhubung rapat dengan pihak SDI dan memaklumkan polisi mereka akan sebarang keperluan yang dikehendaki oleh pihak MINDEF. Sebagai sebuah kementerian yang bergantung penuh kepada aspek keselamatan dan pertahanan negara, maka MINDEF telah diberi mandat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu menerima sebarang tekanan daripada luar. Pada tahun 1985, hubungan industri pertahanan ini dengan pihak MINDEF adalah amat berkait rapat sekali. Ini selaras dengan kuasa yang diberikan kepada pihak MINDEF untuk mengawal hasil-hasil pengeluaran industri pertahanan ini atas konsep bahawa;

"The Company [in this case, the Singapore Technology Corporation] is under the supervision of the Ministry of Defence. The Ministry appoints a Board of Directors to establish the policy and guidelines for the Company. In this way, the Government does not interfere with the day-to-day affairs of the Company"³¹.

Dalam jangkamasa yang sama, pihak pengeluar bagi senjata M-16, iaitu *Colt Industries* di bawah CIS telah tidak membenarkan senjata ini dijual kepada pihak ketiga. Ini telah memaksa pihak SDI, khususnya unit CIS pada penghujung tahun 1970-an, untuk melahirkan pakar-pakar yang mencukupi bagi mengeluarkan senjata-senjata baru. Berdasarkan kepada perkembangan ini, maka lahirkan senjata-senjata seperti *assault rifle* dan *light machine gun* yang lebih murah dan lebih sesuai serta mempunyai kadar kemampuan yang hampir sama seperti mana yang berada di pasaran. Hasil daripada

perkembangan teknologi dan kajian-kajian yang telah dilakukan, maka pada tahun 1983 pihak CIS telah berjaya mengeluarkan senjata yang dikenali sebagai *SAR-80* dan *Ultimax-100*. Perkembangan ini telah menaikkan nama Singapura sebagai pengeluar senjata di pasaran persenjataan antarabangsa³². Namun begitu, pasaran hasil pengeluaran senjata ini tertakluk kepada beberapa perkara yang ditetapkan oleh pihak MINDEF. Ini jelas dengan kenyataan ketua CIS, Lai Chun Loon pada bulan Februari-Mac 1983 yang menyatakan bahawa;

*"The only restriction we have is that all orders go through the Ministry of Defence (which must approve buyers)... we only sell our arms and guns to friendly countries. We do not deal with communist countries, for example"*³³.

Keputusan untuk menjual senjata adalah terletak di bahu pihak Kementerian Pertahanan. Kerajaan Singapura juga tidak menjual senjata mereka kepada negara-negara yang telah dikenakan sekatan perdagangan atau *embargo* oleh PBB. Pada tahun 1983, Lai Chun Loong menyatakan bahawa sebanyak 60 peratus senjata yang dihasilkan adalah untuk keperluan MINDEF, manakala 40 peratus daripadanya adalah untuk dieksport. Oleh itu, jelas bahawa falsafah SDI berfungsi sebagai *"An essential element in the Total Defence of Singapore"*. Keperluan negara lebih diutamakan walaupun faktor keuntungan akan menjamin perkembangan ekonomi yang mantap.

Struktur Organisasi SDI

Sebahagian besar daripada industri pertahanan Singapura yang ditubuhkan adalah menjadi hak milik kerajaan di bawah syarikat pegangan *Sheng-Li Holding Co. Pte. Ltd*³⁴. Segala operasi Sheng-Li adalah di bawah penyeliaan MINDEF yang memainkan peranan dalam menentukan dasar serta struktur organisasi dalam syarikat tersebut. Sheng-li telah diperbadankan pada tahun 1974 untuk menyelenggarakan unit-unit subsidari kecil yang ada dalam industri tersebut. Sehingga bulan April 1989, ia telah mempunyai enam unit subsidari dan 43 unit subsidari yang terlibat secara tidak langsung. Unit-unit ini telah disatukan dan telah diklasifikasikan kepada empat kumpulan utama, iaitu *Ordnance, Aerospace, Naval* dan *General Services*³⁵.

Perkembangan industri pertahanan menyebabkan beberapa penyusunan semula dalam syarikat telah dilakukan demi untuk mengikuti peredaran semasa, khususnya dalam aspek *Ordnance* dan *Aerospace*. Pada tahun 1982, dua division baru telah diperkenalkan, iaitu *Singapore Technology Corporation* atau STC yang telah dimasukkan ke dalam *Ordnance Componies* dan *Singapore Aircraft Industries* atau SAI yang terlibat secara langsung dengan teknologi kapal udara. Pada bulan April 1989 pula, SDI buat kali keduanya telah menyusun semula struktur syarikat tersebut dan memperkenalkan konsep *Singapore Technologies*³⁶. Di bawah konsep ini, diwujudkan empat kumpulan utama, iaitu *Singapore Technologies Industrial Corporation* atau STIC, *Chartered Industries of Singapore* atau CIS,

Singapore Aerospace atau SA dan *Singapore Shipbuilding and Engineering* atau SEE. Program penyusunan semula syarikat ini bertujuan untuk memantapkan lagi aktiviti syarikat selaras dengan kepesatan kemajuan teknologi yang telah dicapai oleh SDI³⁷.

Singapore Technologies Industrial Corporation

Ini merupakan anak syarikat yang terbesar dan telah berjaya mewujudkan syarikat tersendiri di antara industri pertahanan yang lain. Syarikat ini telah dibentuk hasil daripada pemisahan *Industrial* dan *Services Industries* daripada *Aerospace* dan *Ordnance Industries*. Syarikat ini mempunyai dua puluh dua subsidari yang terbabit di bawahnya. Pada assasnya ia merupakan industri persenjataan oleh SDI. Matlamat STIC ialah untuk mencapai teknologi yang terkini yang berdasarkan kepada faktor kejuruteraan dan organisasi pengurusan membaik pulih yang berpengkalan di Singapura. Dalam STIC ini terdapat empat bidang perniagaan yang meliputi aspek elektronik, *precision engineering*, *support services* dan *start-ups*³⁸.

Chartered Industries of Singapore atau CIS telah mengantikan *Singapore Technology Corporation* yang telah wujud pada tahun 1982. Syarikat ini meliputi 16 subsidari yang berada di bawah pegawasannya. Syarikat ini berfungsi mengeluar pelbagai peralatan persenjataan seperti sistem senjata kecil, sistem senjata berbentuk calibre yang bersifat sederhana, *calibre ammunition* berbentuk besar, sistem *motor*, sistem pengangkutan, peralatan kapal udara,

penggunaan radio tentera, beberapa bentuk alat letupan serta *pyrotechnics* yang menjadikan Singapura sebagai pengeluar peralatan persenjataan yang terbesar di Asia Tenggara.

Singapore Aerospace sebelum ini dikenali sebagai *Singapore Aircraft Industries*. Sekarang ini ia mempunyai lima unit subsidari yang terlibat dalam depoh membaikpulih, mengeluarkan peralatan kapal udara dan *assemblies* serta merekabentuk segala peralatan kapal udara. SA diwujudkan dengan tujuan untuk membantu serta membaikpulih kapal udara yang terdapat di Singapura dan juga di rantau ini. Dalam hal ini, dikatakan bahawa imej SAI menurut pandangan masyarakat serantau adalah tinggi. Ini kerana kemampuannya membaik pulih pesawat-pesawat yang terkini antaranya seperti *F18 Hornet*, *F16* sehingga kepada pesawat-pesawat ringan persendirian. Dengan adanya kepakaran-kepakaran serta kemudahan sistem baikpulih yang terkini membolehkan Singapura menjadi pusat membaikpulih yang terbaik di rantau ini.

Singapore Shipbuilding and Engineering telah diwujudkan pada bulan Mei 1968 selepas dikejutkan dengan penarikan diri tentera British di rantau ini. Ini bertujuan mengambil alih kekosongan yang ditinggalkan nanti. Pada tahun 1968, MINDEF telah membawa sebahagian daripada para pelabur tempatan dengan pihak kerajaan sebagai pemegang syer yang terkecil untuk memulakan projek SEE ini. Projek ini adalah untuk memenuhi keperluan RSN yang memerlukan kapal-kapal peronda yang lebih berkuasa tinggi, dilengkapi dengan peralatan-peralatan moden serta dilengkapi dengan senjata moden. Ini

selaras dengan peningkatan dan pemodenan yang diperlukan oleh RSN demi untuk memastikan akan perairan negara tidak dicerobohi dengan sewenang-wenangnya oleh negara asing.

Oleh itu, SEE telah membuat suatu perjanjian yang dikenali sebagai *Technical Co-operation Agreement* dengan sebuah syarikat Jerman, iaitu *Lurssen Werft*. Pada tahun 1969, RSN telah menyerahkan kepada *SEE-Lurssen Werft* satu kontrak untuk membina enam buah kapal peronda yang dilengkapi dengan senjata moden. Dua buah kapal yang pertama telah dibina di limbungan *Lurssen Werft* di Vegesack, Jerman Barat pada tahun 1972. Manakala empat buah kapal lagi telah disiapkan pada tahun 1974 di limbungan Benoi Basin, Jurong di Singapura. Pada tahun 1979, 12 unit 22.7 m bot peronda yang berkuasa tinggi telah dibina untuk RSN. Antara tahun 1983 hingga 1985, SEE telah membina 11 unit 14.5 m bot peronda bagi *Singapore Marine Police*, 7 buah unit untuk *Brunei Marine Police* antara tahun 1985 hingga 1987, manakala 8 unit lagi untuk *Singapore Marine Police* pada tahun 1988. Pada 1986 juga, SEE telah menghantar 45m kapal peronda pantai kepada kerajaan India. Pada bulan Disember 1988 pula, SEE telah menghantar kapal pertama daripada tujuh buah kapal 62m *missile corvettes* yang dipesan oleh RSN³⁹.

SEE sekarang ini dimiliki oleh pihak kerajaan dengan kadar pegangan sebanyak 87 peratus daripada keseluruhan equiti. SEE telah menerima suntikan modal yang agak banyak daripada *Sheng-Li Holding* bagi meningkatkan keupayaan merekacipta kapal teknologi yang dapat memenuhi keperluan semasa selaras dengan konsep

R & D yang ditetapkan oleh kerajaan. SEE merupakan pelabuhan perkapalan yang terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah pekerja sebanyak 800 orang yang terlibat secara langsung dan lebih kurang 400 hingga 500 orang yang terlibat secara tidak langsung. Ini menunjukkan betapa tingginya usaha mereka untuk membangunkan industri ini.

Peranan Sektor Swasta Kepada SDI

Terdapat beberapa industri pertahanan swasta yang terlibat dalam bidang pertahanan bagi mengeluarkan peralatan-peralatan sampingan untuk keperluan pihak kerajaan Singapura. Antaranya ialah syarikat *Avimo Singapore* yang merupakan sebahagian daripada hak milik U.K. *United Scientific Holding* yang memulakan operasinya di Singapura pada tahun 1978. Syarikat ini mengeluarkan pelbagai peralatan penglihatan bagi ketenteraan seperti *night vision sight, goggles, laser range finder* dan *sighting telescopes*. *Oto (Southeast Asia) Pte. Ltd.*, pula telah ditubuhkan pada tahun 1978 oleh *Oto Melara SPA* daripada Itali bagi mengeluarkan barang-barang alat ganti depot, peralatan senjata bagi kapal-kapal, peluru-peluru sehinggalah kepada pembuatan *howitzers* dan bentuk-bentuk pengangkutan ketenteraan yang lain.

Vosper QAF Singapore Pte. Ltd. pula merupakan anak syarikat daripada *Vosper Co. Ltd.* yang beribu pejabat di United Kingdom. Syarikat ini telah terkenal dalam bidang perkapalan di Singapura semenjak tahun 1923. Syarikat ini telah mengeluarkan

pelbagai kapal peronda berkuasa tinggi bagi pertahanan negara untuk RSN dan juga untuk sebahagian daripada kegunaan tentera-tentera laut di Asia Tenggara, Timur Tengah dan di Amerika Latin. Pada tahun 1979, *Vosper Singapore* telah membina 37 m kapal peronda yang berkuasa tinggi untuk kegunaan Rejimen Tentera Diraja Brunei yang berkebolehan membawa lapan peluru berpandu *exocet* 38 mm dari kapal ke kapal dan 30 mm senjata anti kapal terbang yang berkuasa automatik sepenuhnya⁴⁰.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1985 tekanan inflasi telah mempengaruhi pembuatan dan membaik pulih industri perkapalan di Singapura. Ini telah menyebabkan syarikat *Vosper* yang selama ini menjadi saingan kepada SEE mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatannya. Hasil daripada keputusan tersebut meninggalkan kepada SEE sebagai calon tunggal dalam pembuatan dan membaik pulih industri perkapalan di Singapura. Terdapat juga syarikat-syarikat asing yang masih beroperasi di Singapura sama ada menjadi agen bagi penjualan senjata syarikat mereka atau menjalankan usahasama dengan kerajaan Singapura. Antara yang utama seperti *General Electric*, *Colt Industries*, *Lockheed*, *Bell Textron* dan *McDonnell-Douglas* daripada Amerika Syarikat; *Vosper Thornycroft*, *Ferranti*, *Scientific Holding* dan *Racal and Decca* daripada United Kingdom; *SIAI* dan *Oto-Melara* daripada Itali; *Lurssen* dan *MBBC* daripada German Barat; *Dynamit Nobel* dan *Ericsson* daripada Sweden; *F.M. Herstal* daripada Belgium; dan *Oerlikon Bührle* daripada Switzerland.

Walaupun penubuhan industri pertahanan Singapura ini telah membawa beberapa kesan yang positif kepada perkembangan SAF dengan tidak terlalu bergantung kepada pembekalan senjata dari negara-negara luar, namun begitu Menteri Pertahanan ketika itu, iaitu Goh Chok Tong menyatakan bahawa;

*"...we have to be very practical about the whole matter. We cannot be producing missiles and airplanes and so on. Where is our capability? Where are our manpower resources? Even though we can do this because of our technical ability, is the cost worth it? There is a cost of producing will be very high and you have to weigh that cost againsts the possibility of not being able to procure the equipment when you need it. Singapore is not Isreal anyway. I think we have a more open policy and we have more friends around the world"*⁴¹.

Terdapat pelbagai pekara yang harus dikaji dan diperhatikan agar industri ini boleh memberi sumbangan yang besar kepada negara. Keputusan kerajaan untuk mengeluarkan peralatan persenjataan ini bukan bertujuan untuk membina kekuatan ketenteraan, tetapi lebih kepada satu keperluan negara. Kepesatan teknologi yang berlaku hari ini telah digunakan dengan sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Justeru itu, SDI terpaksa membuat pilihan bagi mengeluarkan peralatan mereka.

Konsep Pembangunan Tiga Segi

Pada awal tahun 1990, kerajaan Singapura telah memperkenalkan konsep *Pembangunan Tiga Segi* yang merangkumi Singapura, Johor dan kepulauan Riau di Indonesia⁴². Pembangunan Tiga Segi ini diharap dapat memberi keuntungan kepada ketiga-tiga buah negara. Antara kemudahan yang dijangka daripada usahasama yang dijalankan ini ialah kerjasama program industri insentif dengan kemudahan tenaga buruh yang murah untuk dibangunkan di Johor dan Riau. Idea pembangunan tiga segi ini telah dikemukakan oleh Goh Chok Tong selaku Timbalan Perdana Menteri Singapura ketika itu. Beliau menyatakan bahawa Singapura, Johor dan Batam (di Riau) boleh membentuk *Triangle of Growth*⁴³.

Apa yang menarik tentang konsep hubungan Singapura-Johor-Riau ini ialah keunikannya yang melibatkan pihak kerajaan dan sektor swasta untuk sama-sama mengembangtenaga membangunkan kawasan ini. Walaupun begitu, hubungan Singapura-Johor ini mempunyai sejarah yang lebih awal, khususnya yang berkaitan dengan urusan perdagangan. Sebahagian daripada usahawan-usahawan di Singapura telah lama berhijrah ke Johor seawal tahun 1980an, tanpa kewujudan konsep *Pembangunan Tiga Segi* terlebih dahulu. Begitu juga kaitannya dengan hubungan Singapura-Riau yang lebih merujuk kepada hubungan antara individu dengan individu yang mempunyai kepentingan tententu dan wujud secara tidak formal⁴⁴. Sebagai pusat tumpuan kepada sektor perniagaan dan perindustrian di rantau ini, Singapura mempunyai sistem kewangan yang terbaik. Hubungannya

dengan pasaran luar adalah amat erat sekali. Kewujudan pembangunan tiga segi ini membolehkan pakar-pakar profesional yang terdapat di Singapura boleh mengadakan sebarang urusan perniagaan mereka, sama ada di Johor atau di kepulauan Riau dan kembali semula di Singapura dalam masa sehari sahaja.

Dengan mempunyai sistem industri di kawasan negara jiran akan membolehkan Singapura mengurus hal-hal pentadbiran di Singapura tanpa melibatkan sistem operasi di Singapura. Oleh itu, secara tidak langsung dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara jiran seperti sistem komunikasi, tenaga buruh dan sebagainya akan menyebabkan wujudnya urusan operasi di luar Singapura dengan urusan pentadbiran dilakukan di sini. Ini juga secara tidak langsung akan menyebabkan limpahan kemewahan ke negara luar. Ini selaras dengan kenyataan Kenichi Omahea, dalam artikelnya bertajuk *The Rise of Region State* yang menyatakan bahawa hasil daripada perkembangan ekonomi yang cukup hebat di sesebuah negara yang maju, maka suatu bentuk kerjasama antara dua negara yang berjiran atau lebih dalam aspek ekonomi dengan mengenepikan batasan politik sesebuah negara akan dapat mewujudkan suatu usahasama yang bersifat serantau. Namun begitu; menurut Omahea terdapat beberapa halangan yang harus dipersetujui bersama untuk membolehkan perkara ini dilaksanakan.

"A region state must be small enough for its citizens to share certain economic and consumer interest but of adequate size to justify the infrastructure-communication and transportation links and quality professional

services-necessary to participate economically on global scale... A region state must also be large enough to provide an attractive market for the brand development of leading consumer products”⁴⁵.

Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Abu Bakar yang memperlihatkan bahawa dimensi hubungan antarabangsa hari ini ialah kerjasama ekonomi yang melampaui batasan geo-politik sesebuah negara. Namun begitu, bentuk hubungan ini seharusnya melibatkan kepentingan bersama dalam sesuatu tempoh persetujuan yang telah ditetapkan hasil daripada beberapa perundingan yang telah dijalankan di peringkat atasan. Ini dapat dilihat dalam kenyataan beliau yang menyatakan bahawa;

“Dimensi penting globalisasi semasa ialah peranan membesar blok ekonomi, atau daerah ekonomi, yang merangkumi kawasan-kawasan yang tidak semestinya sama dengan negara-bangsa. Kalau dahulunya ‘multi-national corporation’ begitu mencabar kedudukan negara sebagai unit antarabangsa, maka kemunculan ‘region-state’ sebagai zon ekonomi dengan kegiatan ‘cross-border’nya dan rangkaian internationalnya juga mampu menggugat kestabilan politik dan kehidupan sosioekonomi, khususnya apabila kahadirannya menjadi ‘transnational foci of loyalty’ atau seumpamanya”⁴⁶.

Oleh itu, kemunculan *region-state* hasil daripada kerjasama yang dijalankan dalam aspek ekonomi oleh Singapura, Johor dan Batam ini dapat mewujudkan kerjasama yang lebih erat lagi di kalangan negara-negara jiran. Lebih-lebih lagi Singapura sebagai sebuah negara yang sudah terlalu terhad dalam penggunaan tanah untuk

mewujudkan industri-industri yang baru, tidak mampu untuk berbuat demikian. Maka secara tidak langsung, limpahan kemewahan tersebut telah memberi keuntungan kepada negara-negara jiran.

Terdapat beberapa cadangan pembangunan yang akan dilakukan di pembangunan tiga segi ini. Antaranya ialah cadangan pembangunan projek perumahan dan projek pelancongan sebagai satu industri di Johor dan di kepulauan Riau. Cadangan ini dikatakan bertujuan untuk memenuhi keperluan hampir 75 peratus tumpuan para pelancong yang melawat di Malaysia dan di Singapura agar mereka pula dapat pergi melancong ke Batam. Terdapat hampir lima juta pelancong daripada luar negara yang datang ke Singapura. Pelabur-pelabur asing yang berpusat di Singapura juga berusaha untuk meningkatkan pelaburan mereka dalam sektor perindustrian dengan menjadikan Johor dan Riau sebagai tempat tumpuan yang berdekatan dengan Singapura. Ini disebabkan beberapa kemudahan yang terdapat seperti, kos tenaga buruh yang murah bagi mengekalkan persaingan mereka di pasaran antarabangsa⁴⁷.

Rasional Hubungan Dengan Johor

Keperluan tenaga buruh yang mendesak di Singapura telah menyebabkan pelabur-pelabur memilih untuk mengembangkan operasi mereka ke Johor. Lebih-lebih lagi keperluan tenaga buruh mahir dan separuh mahir yang boleh dilatih, terdapat dengan banyaknya di Johor. Ini disokong pula dengan keluasan tanah

yang masih banyak bagi tujuan perindustrian. Sungguhpun infrastruktur yang terdapat di Johor tidak sebaik seperti di Singapura, namun Johor mempunyai sistem hubungan yang agak baik yang dapat menghubungkannya dengan bandar-bandar utama. Sistem pengangkutan, elektrik, keperluan air dan sistem telekomunikasi telah ditingkatkan selaras dengan dasar kerajaan untuk menarik pelabur asing datang ke Malaysia. Kos pengeluaran yang rendah ini menyebabkan *Multi National Corporation* atau MNC seperti *Matsushita* dan *Sanyo* telah berhijrahan ke Johor untuk mengambil peluang yang terdapat di sana⁴⁸.

Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang sedikit sebanyak mengganggu kelancaran pembentukkan konsep ini. Ini kerana apa yang membezakan antara Singapura dengan Johor dan Batam ialah Singapura merupakan sebuah negara yang berdaulat, manakala Johor dan Batam adalah sebahagian daripada sebuah negara yang berdaulat. Dari segi perlombagaan, kerajaan negeri Johor tidak boleh membuat keputusan mutlak tanpa mendapat keputusan daripada kerajaan pusat terlebih dahulu, kecuali apabila ia melibatkan perkara-perkara seperti tanah, agama dan budaya Melayu. Ini merupakan faktor utama yang membezakan antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat.

Kerajaan negeri Johor pada dasarnya amat tertarik akan penubuhan idea ‘Pembangunan Tiga Segi’ ini, tetapi ia terpaksa melalui beberapa prosedur yang melibatkan dengan kerajaan persekutuan secara bertulis terlebih dahulu. Pada peringkat kerajaan negeri, peluang ekonomi yang wujud daripada limpahan kemewahan ini amat menguntungkan. Johor bermatlamat untuk menjadi negara industri

yang termaju di Malaysia dan berharap dapat mengatasi Pulau Pinang dan Selangor dalam jangka masa terdekat. Walau bagaimanapun, kewujudan pembangunan tiga segi ini melibatkan perjanjian di peringkat kerajaan dengan kerajaan. Konsep penubuhan ini harus dirujuk kepada peringkat pusat, manakala perlaksanaannya pula barulah dirujuk kepada peringkat negeri. Apa yang menjadi masalahnya ialah, kerajaan persekutuan mengharapkan agar pengagihan pendapatan yang wujud daripada program ini dapat dikongsi bersama bukan sahaja oleh masyarakat Johor, malah kepada keseluruhan rakyat Malaysia⁴⁹.

Rasional Hubungan dengan Batam

Hubungan Singapura-Batam dan Singapura-Riau juga menjadi realiti hanya selepas tahun 1989. Ini selaras dengan kumpulan-kumpulan MNC yang menyedari bahawa Bank Pembangunan Singapura dan syarikat-syarikat yang menjadi milik kerajaan, telah memainkan peranan secara aktif untuk membangunkan Batam dan Bintan dari aspek pembangunan pusat industri dan kawasan bagi pusat pelancungan. Apa yang menarik ialah kewujudan *Batam Industrial Park* atau BIP dengan kemudahan kos tenaga buruh yang banyak dan rendah telah menarik minat para pelabur. Ini membolehkan pelabur-pelabur menikmati kos operasi pengeluaran yang rendah⁵⁰.

Dari sudut pelancongan, Batam juga dikatakan mampu menarik minat pelancong-pelancong asing yang datang melancong

ke Singapura setiap tahun. Ini kerana wilayah kepulauan Riau dengan hutan semulajadinya, masih tidak dicemari dengan pembangunan yang pesat. Oleh sebab itu, ia telah mendapat gelaran sebagai *Caribbean of the East*. Satu perjanjian kerjasama ekonomi antara Singapura dengan Indonesia untuk membangunkan kepulauan Riau, khususnya Batam dan Bintan telah ditandatangani pada 28 haribulan Ogos 1990. Perjanjian ini secara rasminya telah merangkumi kepulauan Riau seluruhnya dan bukan sahaja Pulau Batam. Perjanjian ini meliputi beberapa aspek antaranya; menyenangkan pengedaran, pembayaran dan syarat-syarat penghantaran barang antara Singapura dengan daerah Riau. Kerjasama bagi membekalkan air dan pengangkutan ke Singapura dan kerjasama bagi membangun dan meningkatkan infrastruktur bagi projek usahasama. Begitu juga dengan kerjasama dalam industri dan perkembangan teknologi di wilayah kepulauan Riau, termasuk perdagangan, pertanian dan pergudangan. Pertukaran lawatan oleh penasihat-penasihat, pakar-pakar dan pelatih-pelatih di kedua-dua pihak juga dijalankan. Begitu juga dengan usaha untuk menyelaraskan sistem cukai untuk menyenangkan pelaburan; dan menyelaraskan syarat keluar masuk antara kedua-dua pihak⁵¹.

Pada 29 haribulan Jun 1991, Singapura dan Indonesia telah menandatangani satu perjanjian bagi bekalan air selama 50 tahun. Di bawah perjanjian ini sumber air dari kepulauan Riau akan digunakan untuk dibekalkan kepada Singapura dan juga kepada kepulauan Riau sendiri. Dalam projek pertama di bawah perjanjian ini, dua syarikat usahasama telah dibentuk. Syarikat pertama adalah dimiliki sepenuhnya oleh Singapura dan ia bertanggungjawab

untuk membina empangan dan lain-lain infrastruktur yang berkaitan untuk membekal dan mengedarkannya ke Singapura. Syarikat usahasama yang kedua pula dimiliki sepenuhnya oleh pihak Indonesia. Syarikat ini bertanggungjawab untuk membekal air ke Bintam⁵².

Salah satu bukti yang paling kukuh mengenai kerjasama antara Singapura dengan Indonesia ini ialah satu projek usahasama yang dianggarkan bernilai US\$400 juta untuk mewujudkan *Batam Industrial Park* pada bulan Januari 1990. BIP ini dimiliki oleh *PT BATAMINDO Investment Corporation*. Projek ini melibatkan gabungan syarikat Singapura dan Indonesia. Terdapat dua buah syarikat milik kerajaan Singapura yang telah menjadi pemegang saham dalam projek ini. SITC yang memegang saham sebanyak 30 peratus dan *Jurong Environmental Engineering* yang memegang sebanyak 10 peratus saham, iaitu anak syarikat kepada *Jurong Town Corporation* yang merupakan pemaju harta tanah industri yang utama di Singapura. Rakan kongsi daripada Indonesia yang memegang saham sebanyak 60 peratus adalah terdiri daripada sektor swasta yang bergabung sebagai satu kumpulan. Gabungan ini terdiri daripada syarikat *Herwido Rintis*, *Salim*, dan juga terdiri daripada *Bimantara* dan *Timmy Habibie*⁵³.

BIP ini akan ditadbir oleh *BATAMINDO Industrial Management*. Pada peringkat awal projek pembangunan kawasan ini, telah diperuntukkan sebanyak 500 hektar tanah dalam jangka masa lima tahun. Kadar keluasan ini akan ditingkatkan kepada 1000 hektar selepas itu. Hasil daripada kewujudan pusat industri ini, dijangkakan bahawa satu projek perumahan bakal diwujudkan untuk

menampung bilangan pekerja sebanyak 40 hingga 50 ribu pekerja. Sehingga kini terdapat 32 para pelabur telah menandatangani surat pengesahan untuk memulakan operasi mereka. Antara pelabur yang telah bersetuju untuk memulakan operasi mereka ialah *Phillips*, *Western Digital*, *Sony*, *Toshiba*, dan *Thomson Electronics*. *Sumitomo Electrical Automotive Products Singapore*, yang berpusat di Singapura merupakan pelabur pertama bukan milik kerajaan Singapura atau Indonesia yang memulakan operasi mereka di Batam. Sehingga bulan Jun 1991, lapan buah syarikat telah memulakan operasi pengeluaran mereka. Hasil pengeluaran yang paling utama ketika ini ialah peralatan elektronik, dengan Singapura atau MNC yang berpusat di Singapura menerajui pelabur-pelabur asing di sini.

Pelaburan Singapura Di Johor

Antara tahun 1989 hingga akhir 1992, terdapat sejumlah RM7,287.6 juta jumlah modal pelaburan asing yang telah melabur ke negeri Johor Darul Ta'zim. Pelaburan ini merupakan suatu bentuk pelaburan dalam sektor perkilangan yang telah diberikan kelulusan lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasaran Perindustrian, 1975 oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi menempatkan projek di negeri Johor Darul Ta'zim. Daripada jumlah modal pelaburan asing tersebut, sejumlah RM1,690.4 juta adalah jumlah keseluruhan modal pelaburan Singapura ke negeri Johor. Ini dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.

JADUAL 1

Bilangan Projek dan Modal Pelaburan Singapura dalam Projek Perkilangan yang Diluluskan di Negeri Johor/Seluruh Negara 1989-1992

	1989		1990		1991		1992		Jumlah	
	Bil.	Modal Pelaburan (RM Juta)	Bil.	Modal Pelaburan (RM Juta)						
Bilangan Projek dan Modal Pelaburan Singapura di Negeri Johor	95	3334.2	83	406.9	76	661.7	113	287.6	367	1690.4
Jumlah Modal Pelaburan Asing di Negeri Johor (RM Juta)	**	2109.6	**	1630.7	**	2596.9	**	950.4	**	7287.6
Bilangan Projek dan Modal Pelaburan Singapura di Seluruh Negara	150	914.7	147	895.3	148	1114.3	184	442.4	629	3366.7
Jumlah Modal Pelaburan Asing Di Seluruh Negara (RM Juta)	**	8652.7	**	17629.1	**	17055.3	**	17772.1	**	61109.2

Terdapat sejumlah 367 projek yang telah dijalankan di Johor daripada penglibatan penyertaan para pelabur daripada Singapura dalam projek pengilangan. Ini kerana daripada RM7,287.6 juta modal keseluruhan pelaburan asing di Johor, sebahagiannya adalah milik para pelabur dari Singapura, iaitu sebanyak RM1,690.4 juta. Ini menunjukkan bahawa kadar peratusan modal pelaburan antara pelabur dari Singapura dengan para pelabur lain ialah sebanyak 23.2 peratus daripada keseluruhan modal pelaburan asing yang terdapat di Johor. Hampir dua pertiga daripada bentuk pelaburan yang wujud di Johor ini ialah datangnya daripada Singapura. Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur Singapura ada juga yang tertumpu di luar daripada negeri Johor. Dalam tempoh tersebut juga, modal pelaburan Singapura di

seluruh negara adalah sebanyak RM3,366.7 juta dengan bilangan projek perkilangan yang telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia keseluruhannya ialah sebanyak 629 buah projek perkilangan. Dalam hal ini, modal pelaburan Singapura di Johor, iaitu sebanyak RM1,690.4 juta. Ini berbanding dengan modal pelaburan Singapura keseluruhan negara, iaitu sebanyak RM3,366.7 juta. Oleh itu, sebanyak 50.2 peratus adalah tertumpu di Johor. Manakala di Johor pula ialah sebanyak 367 projek berbanding dengan kelulusan projek di seluruh negara, iaitu sebanyak 629 projek perkilangan. Dengan ini kadar peratusannya ialah sebanyak 58.3 peratus.

Daripada perangkaan projek perkilangan yang diluluskan bagi pelabur dari Singapura antara tahun 1989 hingga akhir tahun 1992, menunjukkan bahawa pelabur daripada Singapura merupakan penyumbang utama pelaburan bagi sektor perkilangan di negeri Johor Darul Ta'zim. Ini menunjukkan bahawa hampir 50 peratus daripada pelabur dari Singapura yang datang melabur ke negara ini tertumpu kepada negeri Johor. Ini bermakna negeri Johor adalah destinasi utama pelabur Singapura tanpa perlu mereka pergi lebih jauh daripada itu. Kedekatan jarak antara Johor dengan Singapura mungkin antara faktor pelabur tertumpu ke negeri Johor. Lebih-lebih lagi dengan sistem komunikasi dan telekomunikasi yang baik dengan dibantu oleh tenaga buruh yang mahir dan separuh mahir membolehkan para pelabur tertumpu di sini. Ini disokong pula dengan kesenangan pihak pelabur untuk mengurus bentuk pelaburan mereka tanpa perlu pergi lebih jauh daripada negeri Johor. Apa yang mereka pentingkan ialah pelaksanaan operasi yang lancar harus wujud di Johor tanpa memerlukan mereka mentadbir dari Singapura.

Secara umumnya, modal pelaburan dalam projek perkilangan pelabur dari Singapura adalah bersaiz sederhana, iaitu kurang daripada RM10 juta ringgit. Ini kerana tumpuan utama pelabur Singapura dalam sektor perkilangan di negeri Johor adalah lebih tertumpu kepada industri barang elektrik dan elektronik; industri tekstil dan barang teknikal; industri plastik dan barang plastik serta industri barang bukan logam. Ini sesuai dengan dasar kerajaan Malaysia yang ingin menggalakkan sumber pertumbuhan baru bagi memperkuuh dan mempelbagaikan asas perindustrian. Kerajaan Malaysia masih menumpukan kepada enam sektor kecil, iaitu barang elektrik dan elektronik, barang logam asas, tekstil dan pakaian barang getah, barang kayu dan perusahaan makanan⁵⁴. Ini juga mungkin disokong dengan faktor Singapura yang juga mempromosikan industri pelancongan mereka. Mereka akan lebih menumpukan kepada hasil-hasil pengeluaran atau barang cenderamata yang lebih bersifat dengan harga sederhana yang mampu dibeli oleh para pelancong yang melancong ke negara tersebut.

Singapura dalam ASEAN

Penubuhan ASEAN adalah berdasarkan kepada kepentingan dan perpaduan bersama negara-negara yang terlibat bagi mewujudkan kerjasama serantau. Organisasi ini berperanan membentuk satu identiti keserantauan yang baru. Lebih-lebih lagi Singapura yang menganggotainya mempunyai latar belakang sejarah yang hampir serupa dengan negara-negara ASEAN yang lain. Keperluan untuk

membangunkan ekonomi dan sosial serta kestabilan serantau menjadi matlamat utama ASEAN dan Singapura. Dalam kegiatan organisasi ASEAN ini, satu perkara yang jelas ialah kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota telah meningkat selepas Persidangan Bali pada 24 Februari 1976. Ini kerana penekanan untuk menyusun semula jawatankuasa-jawatankuasa ekonomi disarankan dengan serius dalam Deklarasi Kerukunan ASEAN atau *Declaration of ASEAN Concord*. Ini kerana dengan kemelesetan ekonomi dunia dan tekanan-tekanan yang wujud telah meningkatkan kesedaran ASEAN dalam bidang ekonomi.

Satu perjanjian telah dilakukan pada 24 Februari 1977 yang dikenali sebagai *ASEAN Preferential Trading Agreements* atau PTA. PTA ini bertujuan untuk memperluaskan pasaran barang dan mempercepatkan kebebasan perdagangan. Perjanjian ini juga meliputi kontrak-kontrak perdagangan jangka panjang, pinjaman kewangan dengan kadar bunga tertentu, kelonggaran tarif terhadap barang kerajaan, kebebasan cukai dan lain-lain⁵⁵. Perjanjian ini berhasrat untuk membentuk kawasan perdagangan bebas atau *Free Trade Area*. Ini akan melibatkan penghapusan batasan-batasan kuantiti dan tarif perdagangan di kalangan negara Asean⁵⁶. Peraturan Keutamaan Perdagangan telah ditetapkan untuk mengurangkan jumlah cukai yang dikenakan ke atas barang yang terpilih antara negara-negara anggota. Dengan ini menggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara anggota. Projek-projek perindustrian Asean telah diwujudkan supaya semua negara dapat mengumpulkan sumber-sumber dan menyertai perusahaan awam menerusi pegangan ekuiti. Dalam hal ini, Singapura bersedia menurunkan cukai ke atas barang-barang yang sedia memang dikenakan cukai.

Selain daripada perjanjian tersebut, kerjasama ekonomi intra-ASEAN juga melibatkan usaha perindustrian bersama. Perindustrian ini mempunyai tiga bentuk utama, iaitu *ASEAN Industrial Projects* atau AIP, *ASEAN Industrial Complementation* atau AIC dan *ASEAN Industrial Joint Ventures* atau AIJV⁵⁷. Persetujuan rasmi untuk memulakan AIP ini telah diadakan pada bulan Mac 1976. Dalam skim ini setiap negara telah diperuntukkan satu projek industri dengan anggaran perbelanjaan antara US\$300 juta⁵⁸. Satu projek industri pembuatan enjin diesel telah dicadangkan untuk diwujudkan di Singapura.

Hasil daripada perjanjian yang telah dicapai, kerajaan Singapura telah mencadangkan untuk mengeluarkan industri enjin disel dengan kemampuan antara 1 hingga 1000 kuasa kuda. Dalam pakej yang telah dicadangkan ini, penggunaan enjin yang berkuasa antara 1 hingga 20 kuasa kuda adalah untuk enjin disel bagi penggunaan pertanian, khususnya seperti penggunaan untuk pam pengairan dan alat pembajak yang kecil. Manakala enjin disel antara 135 dan 150 hingga 200 kuasa kuda adalah untuk enjin kenderaan dan 250 hingga 400 kuasa kuda adalah untuk enjin perkapalan bagi tujuan perikanan seperti pukat tunda. Enjin disel yang berkuasa tinggi, iaitu antara 500 hingga 1000 kuasa kuda pula adalah untuk kegunaan seperti jentera-jentera penggali, kren dan enjin bagi tujuan perlombongan serta bagi kuasa generator.

Pakej cadangan oleh kerajaan Singapura ini adalah hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh pihak Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas negara-negara ASEAN. Pada ketika itu, dianggarkan bahawa

harga enjin disel yang bakal dikeluarkan di kilang Singapura ini jauh lebih rendah dengan kadar harga antara S\$24,000 untuk enjin berkuasa antara 200 hingga 500 kuasa kuda. Bagi enjin berkuasa kecil pula, anggarannya pula ialah sekitar S\$250. Pada waktunya yang sama, Indonesia dikatakan sebagai pengguna terbesar bagi enjin berkuasa kecil ini. Dengan pengeluaran enjin disel dari kilang di Singapura ini dijangka akan dapat mengurangkan kadar pergantungan enjin-enjin yang diimport daripada luar negeri sebanyak 50 peratus⁵⁹. Kumpulan kerja Bangsa-Bangsa Bersatu ini telah menganggarkan bahawa keperluan penggunaan bagi enjin disel di seluruh rantau Asia Tenggara ini pada tahun 1970 ialah sebanyak 60,000 unit. Permintaan kepada industri ini dijangka akan meningkat sebanyak 121,000 unit dalam tahun 1975. Menjelang tahun 1980, permintaan terhadapnya dijangka akan meningkat kepada 225,000 unit. Pada tahun 1980, dijangka bahawa hasil pengeluaran enjin disel akan mencapai kepada 80,000 unit dalam setahun. Oleh itu, kos pengeluaran akan lebih murah dan harga pasaran juga akan turun sekitar S\$100 seunit.

Pengeluaran enjin disel telah dicadangkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini kerana pada tahun 1972 belum ada sebuah negara pun di Asia Tenggara yang ingin mengeluarkan enjin disel yang berkeupayaan antara 1 hingga 20 kuasa kuda. Kerajaan Singapura yakin akan pasaran yang sedia ada hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh pihak EDB. Satu laporan dalam *Business Times* (Singapura) telah menyatakan bahawa hanya Singapura sahaja yang berhak untuk memulakan projek enjin ini. Oleh itu, kebenaran tidak seharusnya diberi kebenaran kepada sesebuah negara di Asia Tenggara ini untuk mengeluarkan enjin disel tersebut⁶⁰.

Bantahan Industri Enjin Disel

Dalam tahun 1976-1977, sebahagian daripada negara-negara di Asia Tenggara telah berjaya menghasilkan pengeluaran pertanian yang berkualiti. Pengeluaran enjin disel ini dapat memberi sumbangan yang besar kepada ASEAN. Namun pada tahun 1977, projek enjin disel yang dicadangkan di Singapura telah mendapat bantahan yang menyeluruh daripada Indonesia. Ini kerana mereka juga ingin mengeluarkan industri yang sama. Indonesia berusaha untuk membangunkan industri ini sendiri bagi pengeluaran alat-alat jentera pertanian, peleburan logam dan pemerosesan hasil-hasil pertanian yang telah diwujudkan di Surabaya, Pulau Jawa.

Kerajaan Indonesia ini telah membentuk satu syarikat P.T. Boma Bisma Indra dengan kerjasama syarikat *Dentz* daripada Jerman. Syarikat ini dijangka akan mengeluarkan sebanyak 500,000 unit enjin disel yang berkemampuan 1 hingga 20 kuasa kuda dalam setahun. Syarikat ini juga bercadang untuk mengeluarkan sebanyak 200 unit bagi berkemampuan antara 20 hingga 120 kuasa kuda pada tahun 1977. Terdapat juga cadangan untuk mengeluarkan enjin yang mempunyai kemampuan sehingga 500 kuasa kuda. Kerajaan Indonesia mencadangkan agar Singapura menghadkan pengeluaran enjin disel hanya yang melebihi 500 kuasa kuda sahaja. Pihak Singapura mengatakan bahawa cadangan ini hanya akan memberi sebanyak 20 peratus sahaja bagi pasaran enjin disel. Oleh itu, pengeluaran enjin ini tidak akan menguntungkan di pihak Singapura⁶¹. Pertelingkahan mengenai projek enjin disel AIP ini telah berjaya diselesaikan dalam

bulan September 1978. Pihak Singapura mengumumkan bahawa mereka telah menarik balik cadangan untuk mewujudkan industri ini. Kegagalan projek ini, adalah disebabkan oleh kepentingan sesebuah negara dalam rantau Asia Tengara ini. Kegagalan ini tidak menghalang kerjasama ekonomi antara Singapura dengan negara Asean yang lain. Menjelang tahun 1980, kerajaan Singapura telah dicadangkan agar mengeluarkan vaksin hepatitis B dalam salah satu projek AIP.

Cadangan Projek Hepatitis B

Hasil kajian yang dijalankan, kerajaan Singapura telah bersedia untuk melibatkan diri dalam pakej pertama bagi AIP apabila projek untuk mengeluarkan vaksin hepatitis B dicadangkan kepada mereka. Dalam satu persidangan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Jakarta yang diadakan pada 16 Januari 1983, kerajaan Indonesia tidak membantah akan cadangan tersebut. Mereka bersetuju agar Singapura diberi hak untuk memajukan projek tersebut. Pada bulan Ogos 1983, syarikat *Singapore Biotech Pte. Ltd* telah diberi hak untuk mengeluarkan dan memasarkan projek ini. Pemegang saham dalam syarikat tersebut ialah terdiri daripada *Temasik Holding Pte. Ltd*, *Summit Corporation* sebuah firma Amerika milik *Overseas Chinese Bank, Development Bank of Singapore* dan *INTRACO*. *Singapore Biotech* ini telah menandatangani tiga perjanjian pada bulan September 1983 dengan sebuah firma farmasi Amerika Syarikat, iaitu *Merck and Company*. Syarikat ini telah mengeluarkan dan memasarkan teknologi vaksin ini pada tahun 1981. *Singapore Biotech* telah melantik *Summit*

Corporation sebagai pengedar tunggal bagi memasarkan industri ini keseluruh Asia Tenggara. Kejayaan projek AIP yang telah dicadangkan di Singapura ini telah memberi sumbangan besar kepada seluruh penduduk Asia Tenggara, khususnya kepada mereka yang menghidap penyakit Hepatitis B ini⁶².

Kesimpulan

Konsep pertumbuhan ekonomi sedikit sebanyak merupakan satu konsep yang subjektif. Bagaimanapun, boleh dikatakan bahawa hampir sebarang ukuran yang agak lengkap akan menunjukkan pertumbuhan yang besar dan menyeluruh dalam dalam daya produktiviti sesebuah negara. Ini kerana, Singapura telah berjaya memantapkan ekonominya dengan berkesan berdasarkan kepada beberapa perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang telah dijalankan. Proses penyusunan semula struktur ekonomi daripada hanya menumpukan perdagangan enterport semata-mata kepada perubahan industralisasi secara besar-besaran telah berjaya memantapkan lagi ekonomi negara. Kaedah *research and development* yang diterapkan telah berjaya mencorakkan satu aliran pemikiran agar lebih bersifat kreatif dalam menghadapi persaingan yang lebih mencabar dari negara luar, khususnya dengan negara-negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia.

Singapura telah berjaya dalam beberapa perkara seperti sebagai pusat kewangan antarabangsa, pusat tumpuan para pelabur dan sebagainya telah memberi imej yang cukup mengagumkan kepada

masyarakat luar. Semua ini hasil daripada dasar-dasar yang telah dijalankan, khususnya yang melibatkan sistem ekonomi agar kelangsungan negara dapat berkekalan. Ini kerana setiap penyusunan semula sistem ekonomi yang baru itu akan mewujudkan pula satu bentuk dasar negara yang baru. Oleh itu, terdapat pelbagai peraturan baru yang perlu disesuaikan mengikut perubahan yang wujud antara negara.

Nota Akhir

1. Lihat W.W. Rostow, "The Take-Off into Self-Sustained Growth", dalam *Economic Journal*, Mac 1956.
2. Lihat *The Mirror*, Singapore, Vol. 8, No. 7, 14 Februari 1972 dan lihat juga dalam Lee Boon Hiok, "Constrains On Singapore's Foreign Policy" dalam *Asian Survey*, Vol XXII, No. 6, Jun 1982, hal. 526.
3. Dipetik daripada Chan Heng Chee and Obaid Ul Haq (eds.), 1987, **The Prophetic and The Political : Selected Speeches and Writings of S. Rajaratnam**, Singapore, Graham Brash, hal. 226-227.
4. Inis L., Claude, 1973, **Swords Into Plowshares : The Problem and Progress of International Organization**, New York, Random House Incorporated, hal. 10.
5. Chong Li Choy, 1981, **Open Self-Realiant Regionalism : Power for ASEAN Development**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 61.
6. Lihat Shee Poon Kim, "The Evolution of the Political System" dalam Jon S.T. Quah, Chan Heng Chee and Seah Chee Meow (eds.), 1985, **Government and Politics of Singapore**, Singapore, Oxford University Press, hal. 20.
7. Lihat W.W. Rostow, 1971, **Politics and Stages of Growth**, Cambridge, Havard University Press.
8. Lihat Dos Santos, 1969, "The Crisis of Development Theory and The Problem of Dependence in Latin America" dalam Amir Hussin Baharuddin, 1984, **Ekonomi Pembangunan**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 309.
9. Lihat Shee Poon Kim, "The Evolution of the Political System" *op. cit.*, hal. 19.

10. Lihat Yue-man Yeung, "Singapore" dalam Alice Taylor, 1972, **Southeast Asia**, Newton Abbot, David and Charles, hal. 172 dan lihat juga Lee Soon Ann, 1973, **The Industrialisation of Singapore**, Camberwell Longman, hal. 107.
11. Lihat Shee Poon Kim, *op. cit.*, hal. 19.
12. Lee Soon Ann, *op. cit.*, hal. 107.
13. Lihat Linda Seah, "Public Enterprise and Economic Development" dalam Peter S.J. Chen (ed.), 1983, **Singapore Development Policies and Trends**, Singapore, Oxford University Press, hal. 155.
14. Ibid., hal. 131.
15. Lihat Shee Poon Kim, "The Evolution of the Political System" *op. cit.*, hal. 19.
16. Lihat Nyaw Mee-kan, 1979, **Export Expansion and Industrial Growth in Singapore**, Hong Kong, Kingsway International Publications, hal. 179.
17. Lihat Goh Keng Swee, "The Basic Strategy of Rapid Co-operative Development" dalam National Trade Union Congress, 1979, **Why Labour Must Go Modern**, Singapore, Stanford College Press for the National Trades Union Congress, hal. 35.
18. Lihat Alex Josey, 1980, **Lee Kuan Yew**, Vol. 2, Singapore, Times Books International, hal. 94.
19. Lihat Jonathan Rigg, "Singapore and the Recession of 1985" dalam *Asian Survey*, Vol. XXVII, No. 3, Mac 1988, hal. 341.
20. Ibid., hal. 342-343.
21. Lihat Goh Chok Tong, "The 1980 Budget Statement", 5 March 1980,

Singapore Government Press Release, Information Division, Ministry of Culture (n.d), hal. 17.

22. Lihat Michael Richardson, "Singapore's Defence Industry", dalam *Pacific Defence Reporter*, Mei 1983, hal. 69-75 dan lihat juga dalam H.M.F. Howarth. "Singapore Armed Forces and Defence Industry" dalam *International Defence Review*, No. 11, 1983, hal. 1 dan 570-572.
23. Dipetik daripada Bilveer Singh and Kwa Chong Guan, "The Singapore Defence Industries: Motivations, Organization, and Impact" dalam Chandran Jeshurun (ed.), 1989, **Arms and Defence in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 102.
24. Lihat Michael Brzoska and Thomas Ohlson (eds.), 1986, **Arms Production in the Third World**, London, Taylor and Francis, hal. 67.
25. Lihat Bilveer Singh dan Kwa Chong Guan, *op. cit.*, hal. 105.
26. Lihat Sir Lawrence Hartnett, "Operation Doberman : The Singapore Armaments Story" dalam *Pacific Defence Reporter*, April 1982, hal. 11.
27. Lihat Andrew L. Ross, "The International Arms Trade, Arms Imports, and Local Defence Production in ASEAN" dalam Chandran Jeshurun (ed.), 1989, **Arms and Defence in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 21.
28. Lihat teks ucapan S. Rajaratnam dalam *Official Records of the United Nations General Assembly*, Thenth Plenary Meeting, 19 September 1976, hal. 149-150.
29. Lihat Andrew L. Ross, *op. cit.*, hal. 23.
30. Dipetik daripada *Singapore Monitor*, 15 Jun 1983 dalam Bilveer Singh dan Kwa Chong Guan, *op. cit.*, hal. 106.

31. Dipetik daripada "Supply the Forces Singapore Technology Corporation" dalam *Military Technology*, Singapore, No. 4, 1985, hal. 61.
32. Lihat Bilveer Singh dan Kwa Chong Guan, *op. cit.*, hal. 106.
33. Ibid., hal. 106.
34. *Sheng-Li* dalam bahasa Cina bermaksud *Kejayaan*. Terdapat tiga buah syarikat pegangan kerajaan yang utama, iaitu *Temasik Holdings Pte. Ltd.*, *MND Holdings* (Ministry of National Development) dan *Sheng-Li Holdings Company Pte. Ltd.* - lihat Chan Heng Chee, "The PAP and the Structuring of the Political System" dalam Kernal Singh Sandhu dan Paul Wheatley (eds.), 1989, **Management of Success: The Moulding of Modern Singapore**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 80.
35. Lihat Obaid Ul Haq, *op. cit.*, hal. 136.
36. Lihat "Struktur Organisasi Industri Pertahanan Singapura" dalam Lampiran 4.
37. Lihat Bilveer Singh dan Kwa Chong Guan, *op. cit.*, hal. 109.
38. Ibid., hal. 110.
39. Ibid., hal. 111.
40. Ibid., hal 116.
41. Dipetik daripada *Pointer II*, Singapore, Ministry of Defence, No. 1, Oktober-Disember 1984, hal. 10.
42. Lihat Lampiran 5 - Peta yang melingkungi *Pembangunan Tiga Segi*.

43. Lihat *Straits Times*, Singapore, 21 Disember 1989 dan lihat juga dalam Lee Poh Ping, "Southeast Asia in 1990 : A Year of Challenges" dalam *Southeast Asian Affairs 1991*, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 10.
44. Lihat Sree Kumar and Lee Tsao Yuan, "A Singapore Perspective" dalam Lee Tsao Yuan (eds.), 1991, **Growth Triangle : The Johor-Singapore-Riau Experience**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 10.
45. Lihat Kenichi Ohmae, "The Rise of the Region State" dalam *Foreign Affairs*, Spring 1993, hal. 80.
46. Lihat Mohamad Abu Bakar, "Malaysia dalam Era Globalisasi : Ketahanan Bangsa dan Kelangsungan Negara", dalam *Dewan Budaya*, Ogos 1995, hal. 52.
47. Lihat Linda Y.C. Lim, "Singapore in Southeast Asia" dalam *Journal of Southeast Asia Business*, Vol. 6, No. 4, Fall 1990, hal. 68-69.
48. Lihat Sree Kumar and Lee Tsao Yuan, *op. cit.*, hal. 11.
49. Lihat Yuhanis Kamil, Mari Pangestu and Christina Fredericks, "A Malaysian Perspective" dalam Lee Tsao Yuan, *op. cit.*, hal. 63.
50. Lihat Sree Kumar and Lee Tsao Yuan, *op. cit.*, hal. 12.
51. Lihat Mari Pangestu, "An Indonesia Perspective" dalam Lee Tsao Yuan, *op. cit.*, hal. 80.
52. *Ibid.*, hal. 80.
53. *Ibid.*, hal. 97.

54. Lihat **Rancangan Malaysia Keenam : 1991-1995**, Kuala Lumpur, Jabatan Percetakan Negara, hal. 147-151.
55. Lihat Ronald D. Palmer and Thomas J. Reckford, 1987, **Building ASEAN: 20 Years of Southeast Asian Cooperation**, New York, Praeger Publisher, hal. 91.
56. Lihat Amado Castro, 1982, "ASEAN Economic Cooperation", dalam Alison Broinowski, (eds.), **Understanding ASEAN**, London, Macmillan Press, hal. 82.
57. Projek AIC ini pula bertujuan untuk mengeluarkan barang-barang pelengkap dan tambahan. Barang yang dikeluarkan akan diberi keutamaan pelindungan tarif. Projek ini mempunyai matlamat untuk meningkatkan kerjasama sektor swasta. Manakala projek AIJV juga merupakan kerjasama ekonomi ASEAN yang melibatkan pihak swasta. Negara-negara ASEAN yang terlibat dalam industri ini akan menikmati potongan tarif sebanyak 50 peratus bagi barang yang dikeluarkan selama empat tahun - Lihat ASEAN, 1987, **ASEAN Information Series : An Overview of ASEAN**, Jakarta, ASEAN Secretariat, hal. 14.
58. Lihat ASEAN, 1987, **ASEAN Information Series : An Overview of ASEAN**, Jakarta, ASEAN Secretariat, hal. 13.
59. Lihat Marjorie L. Suriyamongkol, 1988, **Politics of ASEAN Economics Co-operation: The Case of ASEAN Industrial Projects**, Singapore, Oxford University Press, hal. 151-152.
60. Ibid., hal. 152.
61. Ibid., hal. 204.
62. Ibid., hal. 207.